



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	4/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	PERHILITAN			

### Salakan anjing penjaga kebun isyarat kehadiran dua ekor harimau kumbang

**KUALA PILAH** - Salakan anjing yang dipelihara bagi menjaga kebun dan ternakan membawa petanda kehadiran dua ekor harimau kumbang di sebuah kediaman di Kampung Batu Condong, Juasseh Tengah di sini pada Jumaat.

Kejadian jam 7.30 malam itu disedari penghuninya sebelum masing-masing menyuluh ke arah kebun getah yang berada di sebelah rumah dan ternampak harimau berkenaan kira-kira 100 meter dari kediaman mereka.

Menurut Mumtaz Ahmad, 36, dia sekeluarga ke rumah ibu saudaranya, Shahizan Rais, 60, untuk menghantar kuih dikejutkan dengan kehadiran haiwan berkenaan.

"Lebih kurang 15 minit juga haiwan itu berada di situ sebelum perlahan-lahan beredar dan keadaan itu benar-benar mencemaskan kerana kami melihatnya dengan jelas ketika itu.

"Kejadian ini bagaimanapun bukan kali pertama berlaku. Keluarga ibu saudara pernah me-



Sinar, 4 Okt  
2021\_34

Mumtaz menunjukkan lokasi dua ekor harimau kumbang dilihat berada 100 meter dari rumah ibu saudaranya.

lihatnya sebelum ini, namun hanya seekor," kata Mumtaz ketika ditemui pemberita pada Sabtu.

Menurut Mumtaz, sebanyak lima ekor kambing peliharaan mereka lesap sejak Mac lalu dan terkini dua ekor kambing turut hilang sekitar dua minggu lepas, malah kesemuanya dipercayai dibaham harimau tersebut.

"Kami bimbang keselamatan ibu saudara sekeluarga tambahan ada anak kecil," katanya.

*Sinar Harian* difahamkan, keluarga berkenaan menternak kambing, lembu dan ayam malah kandang haiwan itu turut berada da-

lam kebun sama iaitu bersebelahan kediaman mereka.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun mengesahkan menerima laporan kejadian.

"Pengadu memaklumkan kehilangan kambing dan ayam miliknya, namun setakat ini Perhilitan tidak boleh mengesahkan lagi sama ada ia berpunca daripada serangan harimau kumbang.

"Bagaimanapun kami telah memasang perangkap kamera bagi merakam kehadiran haiwan ini dan mengumpul maklumat berkaitan," katanya.